

10/05/2001

`Program bersama artis hanya satu acara Hari Belia'

KUALA LUMPUR, Rabu - Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein menafikan pihaknya terikut-ikut aliran politik masa kini dengan menggunakan artis dalam kegiatan mereka untuk menarik minat remaja.

Beliau berkata, pembabitatan artis dalam program kementerian itu hanya antara pelbagai kegiatan yang dirancang untuk pembangunan remaja masa kini.

"Kita tidak gunakan artis untuk menarik minat belia menyertai sebarang program kementerian.

"Setiap kegiatan yang kita rancang mempunyai pengisian yang amat bermanfaat untuk pembangunan belia masa kini, seperti program kesukarelaan dan kemasyarakatan yang akan diadakan sempena sambutan hari belia tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas program sambutan Hari Belia 2001, yang membabitkan penyertaan beberapa artis terkenal seperti Siti Nurhaliza dan kumpulan nasyid terkemuka, Raihan.

Hishammuddin berkata, program bersama artis itu hanyalah sebahagian daripada acara yang dijadualkan sempena sambutan Hari Belia Negara 2001, 15 Mei ini.

Beliau berkata, pelbagai program dirancang bagi melahirkan belia yang berwawasan selaras tema sambutan tahun ini iaitu `Kesukarelaan Pemangkin Perpaduan'.

Antara acara yang disusun sempena sambutan Hari Belia itu ialah Festival Belia Antarabangsa Malaysia 2001 pada 10 Mei hingga 16 Mei, Larian Belia (13 Mei), pameran dan penerangan pertumbuhan belia (13-16 Mei), Konvensyen Belia dan Sukarelawan (14-15 Mei).

Selain itu, sambutan Hari Belia tahun ini yang akan diadakan di Perak itu, turut membabitkan program khemah kerja sukarelawan belia, kempen derma darah dan acara sukan mencabar.

Hishammuddin berkata, acara kemuncak sambutan itu ialah perhimpunan Hari Belia pada 15 Mei yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kira-kira 30,000 belia dari seluruh negara dijangka hadir pada perhimpunan tahun ini berbanding 10,000 tahun lalu," katanya.

Pada majlis itu juga, katanya, Perdana Menteri akan menyampaikan Anugerah Belia Negara, sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kerajaan terhadap pencapaian belia dalam pelbagai bidang.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, Program Rakan Muda akan dipergiatkan dengan menambah pengisian dalam program-program yang akan dilaksanakan.

Katanya, beliau akan mengumumkan butiran pengisian program itu selepas Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) diluluskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Pengisian program adalah berdasarkan kepada maklumat balas yang diterima daripada belia dan beliawanis yang akan melaksanakan sendiri program berkenaan.

Hishammuddin berkata, sebelum ini imej dan pendekatan baru program Rakan Muda diperkenalkan pada Oktober tahun lalu.

Beliau juga berkata penubuhan pusat-pusat Rakan Muda di setiap daerah yang tergendala akibat kegawatan ekonomi akan diteruskan melalui RMK8.

Katanya, penubuhan pusat-pusat itu sudah dikenal pasti berserta dengan kemudahan yang ingin diwujudkan.

(END)